
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN
SUHANA BINTI MOHD RASIP *lwn* KAMARIAH BINTI ABDUL GANI & LAIN-LAIN
(NO. KES: 2303-L0405-422-0143)

Khairil Hafiz Nazari

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Suhana binti Mohd Rasip *lwn* Kamariah binti Abdul Gani (NO. KES: 2303-L0405-422-0143) (2025) MRS 70 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/16>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN

SUHANA BINTI MOHD RASIP

lwn

KAMARIAH BINTI ABDUL GANI

ROZAIRINA BINTI ARIFFIN

MOHAMAD QALEED AMSYAR BIN MOHD YUSNI

SYAZA AFRINA BINTI MOHD YUSNI

SYAZA ALYA BINTI MOHD YUSNI

ANA MARIA BINTI MOHD YUSNI

MUHAMMAD YUSOF RAYYAN BIN MOHD YUSNI

NO. KES: 2303-L0405-422-0143

ⁱKhairil Hafiz Nazari

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Sinopsis

Permohonan ini untuk menguatkuasakan perintah nafkah anak yang tertunggak melalui harta pusaka si mati, khususnya wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Persoalan undang-undang utama yang ditimbulkan ialah sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa di bawah Seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 untuk melaksanakan perintah nafkah tertunggak ke atas harta pusaka. Mahkamah menekankan prinsip *subject matter jurisdiction*, iaitu bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad kepada penentuan status waris dan kadar bahagian faraid masing-masing, manakala pentadbiran harta pusaka termasuk penyelesaian hutang si mati adalah bidang kuasa eksklusif Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil. Selain itu, Seksyen 148 hanya memperuntukkan tiga mekanisme pelaksanaan perintah, iaitu penyitaan dan penjualan, prosiding hiwalah, serta pengkomitan. Peruntukan ini tidak meliputi pelaksanaan melalui harta pusaka. Keputusan ini bukan sahaja menegaskan batasan bidang kuasa Mahkamah Syariah, tetapi juga menggariskan keperluan bagi proses pensabitan tunggakan nafkah dilakukan terlebih dahulu sebelum ia boleh dituntut sebagai hutang sah terhadap pusaka si mati. Justeru, kes ini memperlihatkan kepentingan penyelarasan antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil dalam pentadbiran pusaka orang Islam di Malaysia.

Pengenalan

- [1] Permohonan ini adalah berkenaan pelaksanaan perintah nafkah anak yang didakwa tertunggak oleh Pemohon terhadap si mati, Mohd Yusni bin Mohd Jani, melalui harta pusaka si mati, khususnya wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Latar Belakang Fakta

- [2] Pemohon memohon kepada Mahkamah suatu perintah menguatkuasakan Perintah/ Penghakiman kes di bawah Saman No. 05001-023-0047-2012 melalui Harta Pusaka si mati (Mohd Yusni bin Mohd Jani) telah gagal mematuhi perintah Mahkamah ini sejak 22.04.2013 hingga tarikh kematiannya pada 19.01.2022 berjumlah RM 49,580.00 berdasarkan seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Perintah ini hendaklah dijelaskan dari harta pusaka si mati melalui wang tunai Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan kos tindakan

sebanyak RM 5,000.00 dijelaskan dari harta pusaka si mati melalui wang tunai Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- [3] Pemohon merupakan bekas isteri pertama si mati, manakala responden (1) adalah ibu kandung si mati, Responden (2) adalah isteri si mati, Responden (3) adalah anak lelaki si mati hasil perkahwinan dengan Responden (2), Responden (4) adalah anak perempuan si mati hasil perkahwinan dengan Pemohon, Responden (5) adalah anak perempuan si mati hasil perkahwinan dengan Pemohon, Responden (6) adalah anak perempuan si mati hasil perkahwinan dengan bekas isteri kedua si mati iaitu Noorfairuz binti Mohd Rifin; dan responden (7) adalah anak lelaki si mati juga hasil perkahwinan dengan bekas isteri kedua si mati.
- [4] Pemohon telah pun mendapat Perintah Nafkah Anak melalui Saman No. 05001-023-0047-2012 pada 22.04.2013. Perintah tersebut menyatakan nafkah bulanan tiga (3) orang anak berjumlah 540.00, nafkah perayaan AidilFitri sebanyak RM 800.00, nafkah perayaan AidilAdha sebanyak RM 500.00 dan nafkah awal persekolahan sebanyak RM 1,000.00 mulai 5.5.2022.
- [5] Pemohon mendakwa si mati telah gagal mematuhi perintah tersebut sejak 22.04.2013 hingga tarikh kematiannya pada 19.01.2022.
- [6] Responden 4 telah membuat permohonan Sijil Faraid, No. Kes: 05100-040-0191-2022 dan pada 22.05.2022 Mahkamah Tinggi Syariah Seremban memerintahkan bahawa ahli-ahli waris yang berhak terhadap harta si mati dan kadarnya adalah seperti berikut:
 - 1. Kamariah binti Abdul Gani, ibu, 28/168 bahagian
 - 2. Rozairina binti Ariffin, isteri, 21/168 bahagian
 - 3. Mohamad Qaleed Amsyar bin Mohd Yusni, Anak lelaki, 34/168 bahagian
 - 4. Syaza Afrina binti Mohd Yusni, Anak Perempuan, 17/168 bahagian
 - 5. Syaza Alya binti Mohd Yusni, Anak Perempuan, 17/168 bahagian
 - 6. Ana Maria binti Mohd Yusni, Anak Perempuan, 17/168 bahagian
 - 7. Muhammad Yusof Rayyan bin Mohd Yusni, Anak Lelaki, 34/168 bahagian.
- [7] Pada 25.10.2022, Pemohon telah memfailkan Permohonan Kebenaran untuk Mengeluarkan Perintah Pelaksanaan dan Penguatkuasaan (*Ex-Parte*) di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dan diputuskan pada 01.12.2022 berkaitan untuk memulakan prosiding pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah terhadap Responden 1 hingga Responden 7.
- [8] Pemohon diwakili oleh Puan Nur Sabrina binti Abd Hamid dari Tetuan Sabrina & Associates. Responden (2) dan (3) diwakili oleh Tuan Mohd Tajuddin bin Abd Razak dari Tetuan Hassahhari & Partners. Manakala Responden (1), (4), (5), (6) dan (7) tidak diwakili Peguam.

Diputuskan

- [9] Kes ini didengarkan dan diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Pemohon bersama Peguam Syarie Pemohon dan Responden (2) bersama Peguam Syarie Responden (3) dan tanpa kehadiran Responden (1), (3), (4), (5), (6) dan (7).
- [10] Setelah Mahkamah meneliti Permohonan, Afidavit Pemohon, Afidavit Jawapan Responden (2), Afidavit Balasan Pemohon, Afidavit Noorfairuz binti Mohd Rifin, keterangan saksi Responden, hujahan bertulis Pemohon dan Responden, maka adalah dengan ini mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:
 - a. Mahkamah menolak Permohonan Penguatkuasaan Perintah kes saman No. 05001-023-0047-2012 melalui Harta Pusaka si mati (Mohd Yusri bin Mohd Jani) berdasarkan seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003;
 - b. Mahkamah menolak penguatkuasaan Perintah tersebut dijelaskan melalui Harta Pusaka si mati; dan

- c. Mahkamah menolak kos Pemohon sebanyak RM 5,000.00, sebaliknya kos ditanggung pihak-pihak.

Senarai Rujukan

Al-Quran

Surah An-Nisa', ayat 135.

Undang-Undang

Seksyen 148. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Seksyen 61(3)(b)(ii) dan 62(2)(b). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Kes-Kes

Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam, kes Rayuan (Mal) No. Kes: 10000-034-0056-2018.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai lwn Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar & Ors (2003) 3 MLJ 705; 4 AMR 501.

Azizah Shaik Ismail & Anor. lwn Fatimah Shaik Ismail & Anor (2004) 2 MLJ 529.

Penghakiman Tuan Khairil Hafiz Bin Nazari, HMRS

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

- [11] Berdasarkan permohonan dan affidavit-afidavit yang difailkan, serta keterangan yang dikemukakan semasa prosiding, Mahkamah merumuskan bahawa isu berikut perlu diputuskan iaitu **sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah penguatkuasaan melalui Harta Pusaka si mati berdasarkan Seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.**

Analisis Dan Dapatan

Isu: Sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah penguatkuasaan melalui Harta Pusaka si mati berdasarkan Seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Hujahan Pemohon

- [12] Pemohon menghujahkan bahawa Perintah Nafkah Anak yang dikeluarkan tersebut telah gagal dipatuhi oleh si mati. Pemohon merujuk kepada Surah al-Nisa' ayat 59 yang menegaskan kewajipan mentaati Allah, Rasul dan *Ulil Amri* di kalangan orang beriman. Dalam konteks ini, keputusan dan perintah hakim termasuk dalam kewajipan mematuhi *Ulil Amri* kerana ia mewakili pelaksanaan hukum syarak yang sah.
- [13] Selain itu, berdasarkan pandangan ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuhayli dalam karyanya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* dinyatakan bahawa nafkah anak yang diperintahkan oleh hakim atau qadi akan menjadi hutang (*dayn*) ke atas si bapa. Hutang tersebut kekal sebagai tanggungan yang wajib dilunaskan, dan jika si bapa meninggal dunia tanpa menyelesaikannya, maka ia boleh dituntut daripada harta pusaka yang ditinggalkan. Oleh itu, kegagalan si mati untuk melaksanakan perintah nafkah menjadikan ia suatu tanggungan yang sah di sisi syarak dan undang-undang untuk dituntut oleh pihak pemohon.

- [14] Pemohon juga menarik perhatian Mahkamah terhadap penyata akaun bank Maybank milik Pemohon yang terdapat beberapa transaksi yang wujud dan pembayaran yang dibuat oleh si mati namun jumlah tersebut adalah tidak konsisten dan tidak tetap yang menyebabkan nafkah anak tersebut menjadi tertunggak. Oleh kerana telah ada Perintah nafkah anak dikeluarkan, maka menjadi tanggungjawab si mati untuk melaksanakannya.
- [15] Pemohon merujuk kepada kes *Rukiah binti Kamarudin lwn Zulina bin Mohd Nohong* (2012) 3 ShLR 111 Mahkamah telah memerintahkan Penghutang Penghakiman membayar tunggakan nafkah anak, 'iddah dan juga *Mut'ah*. Berdasarkan kes tersebut, Pemohon berhujah beban pembuktian bahawa nafkah telah dijelaskan adalah terletak kepada *al-Muda'a 'Alaih* iaitu Penghutang Penghakiman.
- [16] Pemohon menghujahkan bahawa pembahagian harta pusaka terhadap ahli waris adalah selepas selesai melangsaikan hutang dan wasiat, jika ada.
- [17] Pemohon juga menarik perhatian Mahkamah bahawa wang KWSP si mati asalnya berada dalam simpanan Pemohon kerana si mati telah meletakkan nama Pemohon sebagai Penama dan percaya ianya adalah hibah kepada Pemohon dan anak-anak.
- [18] Namun, Responden telah mengambil tindakan sivil terhadap Pemohon dan Mahkamah telah memerintahkan Pemohon memulangkan semula wang kepada Responden. Responden juga telah membuat permohonan mendapatkan surat kuasa mentadbir di Pejabat Pusaka Kecil bagi ke semua harta termasuk wang KWSP tersebut. Selain itu, Responden juga dalam proses perbicaraan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban.
- [19] Pemohon menghujahkan bahawa bayaran hutang tersebut melalui wang KWSP si mati adalah cara yang paling mudah dan cepat memandangkan harta-harta lain terpaksa menunggu kes Harta Sepencarian selesai terlebih dahulu.

Hujahan Responden

- [20] Responden pula menghujahkan bahawa sebelum kematian si mati, Responden telah dimaklumkan bahawa si mati tidak pernah gagal memberikan nafkah menurut perintah tersebut seperti mana yang diekshibitkan dalam Afidavit Jawapan. Responden juga percaya bahawa si mati merupakan seorang yang bertanggungjawab terhadap anak-anaknya termasuk memberikan nafkah kepada Syaza Eliana binti Mohd Yusni walaupun anak tersebut merupakan anak tak sah taraf.
- [21] Responden juga berhujah bahawa Pemohon mempunyai tugas yang berat untuk membuktikan tuntutan Pemohon, tambahan pula tanya melibatkan dakwaan sebelah pihak yang telah meninggal dunia.
- [22] Responden hanya mempunyai bukti penyata akaun Maybank milik si mati dan percakapan semasa si mati hidup bahawa si mati tidak pernah gagal memberikan nafkah kepada anak-anaknya.
- [23] Pemohon mempersoalkan permohonan yang tidak dibuat dari awal lagi semasa si mati hidup dan bukannya selepas kematian.
- [24] Responden juga berhujah bahawa permohonan ini adalah untuk menggunakan wang KWSP dengan cara salah dan untuk menafikan hak Responden dan Ahli waris yang lain.
- [25] Responden menghujahkan hadis Riwayat al-Baihaqi dan Ahmad dalam kitab *Sunan al-Kubra oleh al-Baihaqi*, Seksyen 72,73 dan 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan kes *Tenaga Nasional Berhad v. Perwaja Steel Sdn. Bhd.* (1995) 4 MLJ 673 iaitu berkaitan bahawa beban pembuktian di dalam sesuatu kes adalah, yang mendakwa hendaklah membuktikan bukti dakwaan tersebut.

Ulasan Mahkamah

- [26] Mahkamah ini setelah meneliti permohonan, Afidavit Pemohon, Afidavit Jawapan Responden (2), Afidavit Balasan Pemohon, Afidavit Noorfairuz binti Mohd Rifin, keterangan saksi Responden, hujahan bertulis Pemohon dan Responden dan mendapati yang menjadi subjek pertikaian adalah penyelesaian hutang nafkah anak kepada Pemohon melalui Harta Pusaka si mati.
- [27] Hutang nafkah anak yang didakwa oleh Pemohon terhadap si mati berdasarkan kepada perintah nafkah dan penyata-penyata bank yang dikemukakan adalah belum menjadi muktamad dengan kata lain si mati belum disabitkan berhutang dengan Pemohon dan jumlah hutang juga belum disabitkan.
- [28] Antara yang dipohon dalam kes ini adalah supaya Mahkamah menguatkuasakan Perintah/Penghakiman kes nafkah anak melalui Harta Pusaka si mati yang telah gagal dipatuhi.
- [29] Responden telahpun mengambil tindakan memfailkan permohonan di Pejabat Pusaka Kecil Seremban untuk menjadi Pentadbir kepada harta pusaka si mati dan masih dalam perbicaraan.
- [30] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam, kes Rayuan (Mal) No.: 10000-034-0056-2018* yang merujuk kes *Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai lwn Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar & Ors* (2003) 3 MLJ 705; 4 AMR 501, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan dan menetapkan bahawa dalam menentukan skop bidang kuasa, pendekatan yang digunakan adalah apakah *subject matter* tindakan yang berkenaan. Sekiranya ia melibatkan sesuatu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka Mahkamah Sivil tiada bidang kuasa mendengar dan memutuskannya. Pendekatan ini juga telah diguna pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Azizah Shaik Ismail & Anor. lwn. Fatimah Shaik Ismail & Anor* (2004) 2 MLJ 529.
- [31] Perkara 1 Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada negeri untuk membuat undang-undang berkaitan harta pusaka orang Islam tetapi ini tidaklah bermakna bahawa ia mempunyai kuasa eksklusif. Ini kerana perkataan ‘hukum Syarak’ di dalam peruntukan tersebut terhad kepada penentuan harta pusaka, waris dan kadar pewarisan sahaja dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa mentadbir atau mengeluarkan sebarang perintah berkaitan pembahagian harta.
- [32] Sebaliknya agensi pusat seperti Seksyen Pusaka Kecil, JKPTG atau Mahkamah Tinggi Sivil atau Amanah Raya Berhad mempunyai kuasa mentadbir atau mengeluarkan apa-apa perintah berkaitan pembahagian harta pusaka di kalangan orang Islam pusaka. Mahkamah Syariah hanya mempunyai kuasa membuat penentuan waris, manakala Mahkamah Tinggi Sivil pula mempunyai kuasa untuk membuat perintah.
- [33] Senarai Persekutuan (Senarai 1), Jadual Kesembilan, Perenggan 4(e)(1) menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan memperuntukkan:

Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk- i) Kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan perkhidmat; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hakmiliknya serta hipotekasinya, kecuali tanah; bona vacantia; ekuiti dan amanah; perkahwinan, perceraian dan kesahtarafan; harta dan taraf perempuan bersuami; pentafsiran undang-undang persekutuan; surat cara boleh niaga; akuan berkanun; timbang tara; undang-undang persaudagaran; pendaftaran perniagaan dan nama perniagaan; umur dewasa; budak-budak dan orang belum dewasa; pengangkutan; pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir; kebangkrapan dan ketidakmampuan bayar; sumpah dan ikrar; batasan; penguatkuasaan bersaling penghakiman dan perintah; undang-undang keterangan; (ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan

dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat.

- [34] Berdasarkan autoriti-authoriti yang dirujuk, menunjukkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa mengeluarkan perintah berkaitan pengurusan Harta Pusaka.
- [35] Mahkamah bersetuju wang KWSP si mati hendaklah dibahagikan mengikut faraid. Bagi sesiapa yang dinamakan sebagai Penama KWSP, ia perlu memegang amanah untuk membahagikan duit peninggalan si mati tersebut mengikut bahagian faraid dan bukan menjadi miliknya seorang sahaja.
- [36] Namun, tugas Mahkamah Syariah hanyalah mendengar permohonan ahli waris atau pihak yang berkepentingan dengan harta pusaka si mati dan menentukan siapakah ahli-ahli waris yang ditinggalkan oleh si mati serta bahagian masing-masing. Justeru itu, tugas Mahkamah dianggap telah selesai dan telah disempurnakan "*functus officio*" selepas Sijil Faraid dikeluarkan. Selepas itu urusan pembahagian harta pusaka Allahyarham hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi Malaya, Pejabat Pusaka Kecil atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.
- [37] Pentadbiran pembahagian harta Pusaka juga adalah tertakluk kepada Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Oleh itu, apa-apa tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah hendaklah mengambil kira undang-undang lain khususnya Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 tersebut.
- [38] Permohonan ini sudah tentu bukan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pemohon sepatutnya mengambil perhatian atas kes yang telah dibawa oleh Responden di Pejabat Pusaka Kecil Seremban untuk mengemukakan segala hak/hutang yang didakwa terhadap simati untuk rujukan Pegawai di Pejabat Pusaka Kecil.
- [39] Pemohon juga seharusnya mengambil tindakan lebih awal di Mahkamah Syariah untuk proses pensabitan tunggakan nafkah anak dan dengan adanya perintah sabitan tunggakan nafkah anak tersebut, maka bolehlah ianya menjadi satu dokumen panduan kepada Pejabat Pusaka Kecil semasa proses pembahagian Harta Pusaka simati kepada waris-waris yang berhak.
- [40] Mahkamah juga mendapati bahawa kaedah penguatkuasaan yang dipohon oleh Pemohon iaitu melalui harta pusaka si mati, khususnya wang KWSP, adalah tidak selari dengan cara-cara pelaksanaan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- [41] Seksyen tersebut memperuntukkan hanya tiga bentuk pelaksanaan perintah iaitu (a) perintah penyitaan dan penjualan; (b) prosiding hiwalah; dan (c) perintah pengkomitan dalam kes-kes tertentu.
- [42] Permohonan Pemohon untuk melaksanakan perintah melalui harta pusaka si mati adalah di luar skop penguatkuasaan yang dibenarkan oleh seksyen ini. Maka, penggunaan Seksyen 148 sebagai asas permohonan adalah tidak menepati bentuk pelaksanaan yang diperuntukkan oleh undang-undang dan secara prinsipnya tidak boleh diperluas kepada pusaka yang tertakluk kepada undang-undang pusaka.

Keputusan

- [43] Kes ini didengarkan dan diputuskan pada hari ini dengan kehadiran Pemohon bersama Peguam Syarie Pemohon dan Responden (2) bersama Peguam Syarie Responden (3) dan tanpa kehadiran Responden (1), (3), (4), (5), (6) dan (7).

[44] Setelah Mahkamah meneliti Permohonan, Afidavit Pemohon, Afidavit Jawapan Responden (2), Afidavit Balasan Pemohon, Afidavit Noorfairuz binti Mohd Rifin, keterangan saksi Responden, hujahan bertulis Pemohon dan Responden, maka adalah dengan ini mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

- a. Mahkamah menolak Permohonan Penguatkuasaan Perintah kes saman No. 05001-023-0047-2012 melalui Harta Pusaka si mati (Mohd Yusri bin Mohd Jani) berdasarkan seksyen 148 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003;
- b. Mahkamah menolak penguatkuasaan Perintah tersebut dijelaskan melalui Harta Pusaka si mati; dan
- c. Mahkamah menolak kos Pemohon sebanyak RM 5,000.00, sebaliknya kos ditanggung pihak-pihak.

Hakim

Alasan PengHakiman ini telah disediakan oleh **Tuan Khairil Hafiz bin Nazari** Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh

28 Mac 2024.

Peguam

Pemohon diwakili oleh Puan Nur Sabrina binti Abd Hamid dari *Tetuan Sabrina & Associates*. Manakala Responden (2) dan (3) diwakili oleh Tuan Mohd Tajuddin bin Abd Razak dari *Tetuan Hasshahari & Partners* dan Responden (1), (4), (5), (6) dan (7) tidak diwakili Peguam.